

20/11/2000

Beberapa negara Afrika contohi Wawasan 2020

MENCONTOHI Wawasan 2020 Malaysia, beberapa negara Afrika yang menyertai Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) turut memiliki rancangan jangka panjang untuk merangsang pembangunan yang lebih pesat di negara mereka.

Mauritius, Mozambique, Ghana dan Malawi memiliki Wawasan 2020, manakala Botswana dan Swaziland masing-masing serius mahu menjayakan Wawasan 2016 dan Wawasan 2022.

Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM), dalam laporannya yang dikeluarkan sempena edisi kelima LID, menyebut negara berkenaan menumpukan perhatian untuk mencapainya menerusi konsep Perkongsian Pintar.

Wawasan Mauritius pula dirangka dalam konteks menyediakan negara dengan jentera bagi menangani cabaran akibat globalisasi dan liberalisasi perdagangan antarabangsa dengan pelaksanaan Perjanjian Am bagi Perdagangan dan Tarif (GATT)/pusingan rundingan Uruguay.

Ini membuktikan LID yang dimulakan Malaysia pada 1995 bukan saja menggalakkan hubungan antara kerajaan dan sektor swasta tetapi juga merangsang negara lain untuk mencontohi Wawasan 2020 Malaysia.

Menerusi LID dan dialog sekutunya, Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID), Wawasan 2020 Malaysia telah menjadi ikutan kepada banyak negara lain, terutama negara Afrika yang menganggotai kedua-dua dialog itu.

Wawasan itu yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dilancarkan pada Februari 1991, dengan matlamat utama menjadikan Malaysia sebuah negara maju sepenuhnya menjelang 2020.

CPTM dan Kumpulan Industri Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might) adalah penganjur bersama LID 2000 dengan tema isu global dan ekonomi baru muncul.

Dialog selama empat hari itu adalah bahagian kedua daripada apa yang disifatkan sebagai dialog perkongsian pintar antarabangsa Global 2000.

Bahagian pertama diadakan di Maputo, Mozambique pada Ogos lalu di bawah naungan SAID 2000, satu cabang LID.

Idea mengadakan dua bahagian dialog bagi menangani isu global yang membabitkan ekonomi baru muncul ialah untuk menunjukkan bahawa terdapat kesepaduan kegiatan berkaitan perkongsian pintar sejak LID diperkenalkan.

Pada 1993, satu kontrak dimeterai dengan kumpulan sebelum CPTM mengambil alih, iaitu Commonwealth Consultative Group on Technology Management, untuk meneruskan bantuan teknikal bagi membantu Mauritius dalam pembangunan wawasan dan menyediakan penyeliaan sepenuhnya.

Pusat Kegiatan Perkongsian Pintar Botswana dibentuk selepas dialog SAID pada 1997 dan aktivitinya akan disepadukan menerusi pelaksanaan Wawasan 2016.

Ghana tidak mempunyai Pusat Kegiatan Perkongsian Pintar tetapi memajukan wawasan yang mana matlamat utamanya adalah untuk mengubah negara menjadi negara pendapatan pertengahan menjelang 2020.

Wawasan itu mengiktiraf fungsi penting yang perlu dimainkan oleh sektor swasta dalam merealisasikan matlamat itu.

CPTM menyatakan Malawi mempunyai Wawasan 2020 yang dirangka selepas perundingan berterusan dengan pemegang pegangan di negara berkenaan dan proses itu mencontohi model pengalaman Malaysia.

Swaziland melancarkan strategi pembangunan negaranya Wawasan 2022, tahun lalu selepas penyertaan Raja dan Perdana Menteri dalam semua dialog perkongsian pintar sejak 1997.

(END)

